

Sabsuka



Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1615-5

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
Lelaman Internet: www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg



Dicetak pada tahun 2017 oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus
Nazarudin Abdul Bakar, Sekolah Menengah Bedok View
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sekapur Sirih

Rahsia merupakan antara koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau, Indonesia pada tahun 2016. Cerpen ini dihasilkan bagi menggalakkan pelajar agar minat membaca khususnya dalam kalangan pelajar Menengah 1 dan 2.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, pelajar mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa pelajar yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata pelajar memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Rahsia** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Selamat membaca!

Mohamed Noh Daipi

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dalam cerpen ini termasuklah tema kesabaran, pengorbanan, keinsafan, saling membantu, perjuangan, kasih sayang dan pencemaran alam.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan pelajar. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan pelajar kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi pelajar.

Sekian.

Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Rahsia**

SABSUKA

Hidayat Hamzah

“**A**mir, tolong Ibu pergi ke pasar raya NTUC sekejap. Kawan Ayah hendak datang. Ibu mahu masak **Sabsuka**,” kata Ibuku di ambang pintu kamarku.

Seusai mencium tangan Ibu, aku melangkah keluar dari rumah. Dua keping wang sepuluh dolar kugenggam erat. Telur, daging cencang dan daun bawang. Sengaja aku ulangi dalam kepalaku agar tidak kulupa. Ah, tiga benda sahaja, tidak perlulah aku tulis. Cepat pergi, cepat balik. Boleh aku sambung layan Facebook.

Sabsuka? Sabsuka Ibu memang nombor satu dalam dunia. Daging cencangnya lembut. Kuahnya pekat, tidak lokek dengan bawang yang sudah digoreng lembut


dengan mentega, sehingga menaikkan aroma dan mengeluarkan rasa manis bawang semula jadi. Dimakan dengan roti perancis yang dibakar garing, memang sedap.

“Siapa yang hendak datang, Ibu?” tanyaku sambil menyarung kemeja-T yang tersidai di jendela.

“Kawan baik Ayah. Encik Rahim. Sudah lama dia **bermastautin** di Australia. Dia pernah datang ke rumah kita. Waktu itu kita sedang menyambut hari lahir Amir yang kedua. Sedar tak sedar, sudah sepuluh tahun berlalu,” jelas Ibu dengan riang.

Ternyata aku tidak mengenali Encik Rahim yang Ibu maksudkan itu. Sepuluh tahun yang lalu aku terlalu kecil. Mana mungkin aku ingat. Yang penting, lebih cepat aku ke pasar raya NTUC, lebih cepat Ibu dapat memasak Sabsukanya. Lagipun, perutku sudah **berkeroncang**.

Keluar sahaja dari lif, aku bergerak ke belakang blok tempat aku mengunci basikal. Aku meleraikan rantai kunci basikalku. Oh, baru aku ingat! Ibu pernah memberitahuku bahawa Encik Rahimlah yang telah membelikan basikal ini untukku.



“Rahim, Rahim! Mahu dibuat apa basikal sebesar ini? Amir baru sahaja dua tahun.”

“Tidak mengapa, Hamzah. Bila Amir sudah besar, engkau ajarkanlah dia cara menunggang basikal. Setelah perniagaanku stabil di Australia, aku akan pulang ke Singapura. Masa itu aku mahu lihat Amir sudah hebat menunggang basikal, ya?”

Aku mesti mengucapkan terima kasih kepada Encik Rahim. Aku memang suka akan basikalku. Ke mana-mana sahaja aku pergi, pasti kutunggang basikal kesayanganku. Aku tersenyum sendirian lalu mula mengayuh ke pasar raya NTUC.

Tiba di pasar raya itu, aku terus berlari ke bahagian rak-rak telur. Pagi itu tidak ramai orang. Dapatlah aku memilih telur. Namun, tumpuanku terganggu apabila aku terdengar bunyi hempasan di sebelahku.

“Farhan sudah kata, Farhan tidak mahu roti kismis!” Kata anak yang kelihatan berumur lapan tahun.

Aku melihat seorang wanita sebaya ibuku memungut

sebantol roti kismis dari lantai. Hiba hatiku melihat seorang ibu diperlakukan sebegitu. Aku menjeling ke arah anaknya. Dia sedang menghempas sebantol lagi roti ke lantai. Ingin sahaja aku memarahi budak yang biadab itu.

“Ingat, kelakuan kita mencerminkan didikan dan asuhan ibu bapa kita. Jangan sampai nanti kita **menconteng arang ke muka** ibu bapa dengan perangai buruk kita,” pesanan Cikgu Aisyah tiba-tiba timbul dalam fikiranku.

Aku cuba menolong wanita itu memungut roti yang dihempas anaknya. Dia mengucapkan terima kasih kepadaku lalu menarik tangan anaknya untuk beredar dari situ. Anaknya kelihatan sedang meronta-meronta sambil merengek. Apalah nasibnya mempunyai seorang anak yang biadab seperti itu.

Aku meneruskan untuk memilih telur. Telur, sudah. Lagi apa? Oh, daging cencang dan daun bawang! Aku bergegas untuk mendapatkan kedua-dua barangan itu.

Tidak beberapa lama kemudian, aku sudah di barisan juruwang untuk membuat bayaran. Keadaan di kaunter-kaunter pembayaran sungguh sibuk. Barisan-barisan pembeli sudah memanjang. Mungkin aku boleh sambung perbualanku bersama rakanku di Facebook. Alamak! Aku meraba-raba saku seluarku yang ternyata kosong. Dalam kehairahan aku hendak keluar dari rumah tadi, aku lupa untuk membawa telefon bimbitku. Aku pun melepaskan nafas hampa.

Berjam-jam rasanya aku berdiri dalam barisan itu. Sedikit demi sedikit, barisan itu menyingkat. Aku melihat telur, daging cencang dan daun bawang dalam bakulku. Sudah dapat kubayangkan betapa enaknyanya Sabsuka yang akan kunikmati nanti.

Setelah membayar, aku bergegas ke basikalku. Aku menyangkut semua barangan yang telah kubeli lalu mengayuh pantas. Aku harus segera pulang. Tidak lama kemudian, aku hampir tiba ke blok rumahku. Aku sudah dapat membayangkan aroma Sabsuka yang lazat

mengisi setiap pelosok rumahku. Aku juga sudah dapat membayangkan jumlah pemberitahuan yang banyak di Facebook sejak pemergiaku.

Sedang aku berkhayal, secara tiba-tiba seorang lelaki tua bersongkok hitam muncul di hadapanku. Ternyata **malang tidak berbau**. Aku cuba menekan brek tetapi tidak sempat. Kami bertembung. Lelaki tua itu jatuh terduduk. Aku terpelanting jauh dari basikalku. Telur, daging cencang dan daun bawang tercampak entah ke mana.

Aku mengerang kesakitan. Lututku luka. Mujur aku memakai topi keledar. Kalau tidak, terbelah dua agaknya kepalaku. Tidak jauh dariku, aku melihat telur-telur yang kubeli telah pecah semuanya. Daging cencang dan daun bawang pula sudah terjatuh ke dalam longkang yang kotor. Api kemarahan kembali membakar dalam diriku.



“Hei, butakah! Habis telur semua pecah!” tengkingku dengan bengis.

Aku tidak dapat mengawal perasaanku lagi. Lelaki tua itu cuba membantu aku bangun tetapi aku menepis sahaja tangannya.

“Sudah! Sudah! Saya boleh bangun sendiri!” bentakku.


“Maafkan Pak Cik, nak. Pak Cik tidak sengaja. Pak Cik sedang asyik mencari alamat tadi,” ujar lelaki tua itu sambil sekali lagi cuba untuk menolong aku bangun.

“Saya cakap tak payah!”

Oleh sebab terlalu marah, aku menolak tangannya. Dengan tidak sengaja, aku menyebabkan lelaki tua itu terjatuh sekali lagi. Songkok hitam tertanggal, menampakkan kepalanya yang beruban. Dia mengerang kesakitan. Aku tidak mempedulikannya. Aku mendirikan basikalku. Roda depannya sudah ter bengkok. Kemarahanku terhadap lelaki tua itu semakin meruap-ruap. Aku menyorong basikalku ke belakang blok lalu merantai dan mengunci basikalku. Kemudian, aku berlari kembali ke pasar raya NTUC.

Tidak lama kemudian, akhirnya aku tiba di pintu rumah. Aku melihat sudah ada sepasang sepatu di luar rumahku. Alamak! Encik Rahim sudah sampai! *Sabsuka* belum lagi dimasak!

Aku memberi salam lalu melangkah masuk ke dalam rumah. Aku melihat bapakku sedang membubuh ubat di siku seorang lelaki tua bersongkok hitam. Ibuku merenung tajam ke arahku sambil menggelengkan kepala. Aku **terkesima**. Pada saat itu, beg plastik NTUC berisi telur, daging cencang dan daun bawang terlepas daripada genggamanku.



Renungan

Rasa hormat adalah suatu sifat penting yang perlu ada dalam diri setiap insan.

Apakah renungan kamu mengenai sikap Amir dalam cerpen ini?

Glosari

1. **subsuka** – sejenis makanan yang berasal dari Timur Tengah
2. **seusai** – setelah, selesai
3. **bermastautin** – terus menetap di sesuatu tempat dan tidak berniat hendak berpindah lagi
4. **berkeroncong** – berbunyi dalam perut (kerana lapar)
5. **menconteng arang ke muka** – perbuatan yang memberi malu atau mengaibkan
6. **malang tidak berbau** – sesuatu kecelakaan atau musibah berlaku tanpa dirancang dan boleh berlaku bila-bila sahaja
7. **terkesima** – tercengang

SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Rahsia** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi pelajar di sekolah menengah di Singapura.



Ministry of Education
SINGAPORE

